

## PEMERINTAH TIDAK WAJIB MELAYU TETAPI WAJIB MUSLIM

[SN177] Rentetan dari kemenangan Barack Obama sebagai presiden kulit hitam pertama Amerika Syarikat baru-baru ini, ia telah mencetuskan polemik kepimpinan politik di Malaysia selaku sebuah negara yang selama ini turut dibarisi kepimpinan dari puak minoriti, sehingga ada suara pemimpin bukan Melayu yang mahukan bukan Melayu diberi peluang menjadi Perdana Menteri. Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, sudah sampai masanya bagi rakyat Malaysia membebaskan diri mereka daripada belenggu isu perkauman. Dengan mengambil Obama sebagai contoh, Tee Keat berkata, “*Sedihnya di Malaysia, kita masih berbalah dalam soal remeh berhubung pelantikan seorang wanita Cina sebagai Pemangku Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).*” Perkembangan yang sama berlaku di Singapura di mana Perdana Menteri republik itu, Hsien Loong menegaskan bahawa Singapura belum bersedia memilih Perdana Menteri bukan Cina dalam tempoh terdekat. Hsien Loong membuat kenyataan tersebut semasa dialog dengan anggota masyarakat Melayu di republik itu sebagai menjawab soalan sama ada pemilihan Barack Obama sebagai Presiden kulit hitam pertama Amerika Syarikat (AS) bermakna anggota kaum minoriti di Singapura turut berpeluang menjadi Perdana Menteri [UM 11/11/08].

Sebagai respons kepada kenyataan tersebut, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Dr. Rais Yatim pun menyerlahkan keberaniannya dengan berkata, “*Saya berani katakan bukan Melayu pun belum sampai masanya menjadi Perdana Menteri di Malaysia dan ia tidak akan menjadi kenyataan sebab majoriti tenaga politik di sini ialah Melayu*” [UM 11/11/08]. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir apabila ditanya tentang isu yang sama menjawab, “*Tidak sepatutnya soalan itu ditanya, sama ada Melayu atau bukan Melayu, jika seseorang itu diterima oleh rakyat Malaysia, dia layak untuk menjadi Perdana Menteri*”. Menurutnyanya lagi, undang-undang negara menetapkan sesiapa sahaja boleh menjadi Perdana Menteri dan tiada sebarang spesifikasi bahawa pemimpin negara mesti diketuai oleh orang Melayu. “*Tetapi spesifikasinya ialah orang yang layak menjadi Perdana Menteri adalah pemimpin kepada sebuah parti yang majoriti, jadi janganlah tanya sama ada dia Melayu, Cina atau India*”, tegas Mahathir [UM 13/11/08].

Isu perkauman yang selama ini merupakan api di dalam sekam, acap kali mengundang dan menjelma menjadi api yang lebih besar. Bagi orang kafir, tidak peliklah jika mereka sentiasa bermain dengan api ini kerana undang-undang hidup mereka langsung tidak diatur oleh agama, namun bagi umat Islam, sungguh menyedihkan apabila mereka nampaknya masih lagi bermain dengan api dunia ini yang hakikatnya boleh menjerumuskan mereka ke dalam api akhirat. Kenapa masih ada yang ingin mempertahankan *assabiyyah* Melayu? Kenapa masih ada yang berpendapat orang kafir boleh menjadi pemimpin untuk memerintah orang Islam? Masihkah mereka tidak cuba membelek dan memahami ayat-ayat Allah dan hadis-hadis RasulNya? Nampaknya akal dan kitab keji Lord Reid masih tetap dijadikan panduan oleh mereka di dalam berbicara dan menghukum. *Masya Allah!* Sampai bilakah kalian mahu sedar bahawa Allah tidak akan tanya kenapa kalian berbangsa Melayu, tetapi Allah akan pasti tanya kenapa kalian memperjuangkan Melayu dan tidak memperjuangkan Islam?

### Syarat-syarat Ketua Negara Di Dalam Islam

Sesungguhnya Ketua Negara Islam tidak lain tidak bukan adalah Khalifah. Khalifah adalah orang yang mewakili umat dalam menjalankan pemerintahan, kekuasaan dan penerapan hukum-hukum syara'. Hal itu kerana Islam telah menjadikan pemerintahan dan kekuasaan sebagai milik umat (*al-sulthan li al-ummah*). Untuk itu, maka diangkat seseorang yang melaksanakan pemerintahan sebagai wakil dari umat. Allah telah mewajibkan kepada umat untuk menerapkan seluruh hukum syara'.

Sesungguhnya Khalifah itu diangkat oleh kaum Muslimin. Jadi, seseorang itu tidak akan menjadi Khalifah kecuali jika umat memba'atnya. Bai'at umat kepada Khalifah untuk menjawat jawatan Khalifah telah menjadikannya sebagai pihak yang mewakili umat. Penyerahan jawatan kekhilafahan kepada seorang Khalifah telah memberinya kekuasaan dan menjadikan umat wajib mentaatinya. Orang yang memegang urusan kaum Muslimin tidak menjadi seorang Khalifah kecuali jika diba'at oleh *ahl al-halli wa al-'aqdi* yang ada di tengah-tengah umat dengan *bai'at in'iqad* (bai'at pelantikan) yang bertepatan dengan syara'. Bai'at hendaklah dijalankan atas dasar keredhaan (orang yang diba'iat) dan bebas memilih (orang yang memba'iat) dan orang yang diba'at itu wajib memenuhi seluruh

syarat *in'iqad*. Dan sebaik sahaja sempurna akad Khilafah itu, Khalifah wajib melaksanakan hukum-hukum syara' secara *kaffah*, tanpa di tangguh-tangguh lagi. Adapun syarat-syarat *in'iqad* seorang Khalifah adalah seperti berikut:-

**(1) Muslim** - Khalifah wajib seorang Muslim. Haram dan tidak sah sama sekali jawatan Khalifah diberikan kepada seorang kafir dan jika berlaku (Khalifah dari orang kafir) maka tidak wajib untuk mentaatinya. Ini kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman, “*Dan Allah sekali-kali tidak akan menjadikan jalan bagi orang-orang kafir untuk menguasai orang-orang mukmin*” [TMQ an-Nisa' (4):141]. Pemerintahan adalah jalan yang paling kuat dan mendasar untuk menguasai orang-orang yang diperintah. Penggunaan kata “*lan*” dalam ayat di atas berfungsi untuk menyatakan *li ta'bid* (selamanya) yang merupakan *qarinah* (indikasi) untuk menunjukkan larangan keras bagi orang kafir memegang pemerintahan ke atas kaum Muslimin, baik menyangkut jawatan 'Khalifah' itu sendiri atau jawatan yang terkait dengan apa jua bidang pemerintahan. Ini kerana Allah telah mengharamkan adanya apa sahaja jalan bagi orang kafir menguasai kaum Mukminin, maka adalah teramat jelas bahawa haram hukumnya kaum Muslimin menjadikan orang kafir sebagai penguasa atas mereka.

Tambahan lagi, Khalifah merupakan *waliyul amri*, dan Allah telah mensyaratkan bahawa seorang *waliyul amri* wajiblah Muslim. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman, “*Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul(Nya) dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu...*” [TMQ an-Nisa' (4):59]. Di dalam ayat lain, Allah berfirman, “*Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau ketakutan, mereka lalu menyiarkannya. Kalau saja mereka menyerahkan kepada Rasul dan kepada Ulil Amri di antara mereka...*” [TMQ an-Nisa' (4):83]. Tidak disebut di dalam Al-Quran kata ‘*Ulil Amri*’ kecuali ia mestilah “*min kum*” (dari kamu) yakni dari kalangan kaum Muslimin. Khalifah yang merupakan *waliyul amri*, maka Khalifah juga melantik setiap orang ke jawatan pemerintahan yang kesemua mereka wajiblah terdiri dari Muslim juga.

**(2) Lelaki** - Khalifah wajib seorang lelaki. Haram dan tidak sah melantik seorang Khalifah dari kalangan perempuan. Hal ini berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari

Abu Bakrah yang berkata, ketika sampai kepada Rasulullah bahawa penduduk Parsi telah melantik anak perempuan Kisra sebagai penguasa, baginda lantas bersabda, *"Tidak akan pernah beruntung suatu kaum yang menyerahkan urusan (kekuasaan/pemerintahan) mereka kepada seorang wanita"*. Sabda Rasulullah yang menafikan keuntungan bagi orang yang menyerahkan urusannya kepada seorang perempuan merupakan larangan untuk melantik wanita bagi jawatan tersebut. Larangan di dalam hadis tersebut menjadi *qarinah* larangan yang *jazm* (tegas) yang menjadikan hukumnya haram.

**(3) Baligh** - Khalifah wajib seorang yang baligh. Tidak boleh dilantik seorang kanak-kanak yang belum baligh sebagai Khalifah. Ini kerana Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa Sallam* bersabda, *"Diangkat pena (beban hukum) dari tiga golongan, kanak-kanak hingga ia baligh, orang yang tidur hingga ia terjaga dan orang yang gila hingga ia sembuh"* [HR Abu Daud]. Sesiapa sahaja yang diangkat pena darinya, maka dia dengan sendirinya tidak sah mengurus urusannya. Secara syarie, dia bukanlah seorang *mukallaf*. Oleh itu, dia tidak sah menjadi Khalifah ataupun memegang apa jua jawatan pemerintahan lantaran dia tidak memiliki hak untuk mengelola apa jua urusan. Dalil lain yang menunjukkan orang yang belum baligh tidak boleh menjadi Khalifah adalah apa yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari, *"Dari Abu Aqil Zahrah bin Ma'bad, dari datuknya Abdullah bin Hisyam, manakala ia mengenal Nabi Sallallahu 'alaihi wa Sallam, lalu ia pergi dengan ibunya Zainab binti Humaid menemui Rasulullah. Ibunya lalu berkata, 'Wahai Rasulullah, terimalah bai'atnya'. Nabi bersabda, 'Dia masih kecil.' Lalu baginda mengusap kepalanya dan mendoakannya"* [HR Bukhari]. Jika anak kecil tidak sah untuk membai'at, maka apatah lagi tidak sah untuk dia di bai'at (sebagai Khalifah).

**(4) Berakal** - Khalifah wajib seorang yang berakal dan tidak layak seorang yang gila menjadi Khalifah. Hal ini berdasarkan sabda Nabi *Sallallahu 'alaihi wa Sallam* di atas, *"Diangkat pena (beban hukum) dari tiga orang..."* yang salah satunya adalah *"orang gila sampai ia sembuh"*. Siapa sahaja yang telah diangkat pena darinya, maka dia tidak termasuk seorang *mukallaf* kerana akal menjadi *manath at-taklif* (tempat pembebanan hukum) dan menjadi syarat sahnya mengatur berbagai urusan, sedangkan tugas seorang Khalifah adalah mengatur urusan pemerintahan dan melaksanakan penerapan beban-beban syariat. Oleh itu, tidak sah jika Khalifah itu adalah seorang yang gila atau rosak akalnya, kerana orang seperti ini tidak layak untuk mengurus urusannya sendiri pun, apatah lagi untuk mengatur urusan manusia keseluruhannya.

**(5) Adil** - Khalifah mestilah seorang yang adil. Orang yang fasik tidak sah diangkat sebagai Khalifah. Adil adalah syarat yang wajib demi keabsahan kekhilafahan dan keberlangsungannya, sebab Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah mensyaratkan pada seorang saksi dengan syarat *'adalah* (adil). Firman Allah, *"Dan saksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kamu"* [TMQ at-Talaq (65):2]. Kedudukan Khalifah tentu sahaja lebih tinggi dari sekadar seorang saksi, oleh kerana itu selayaknya dia memiliki syarat adil sebab kalau pada seorang saksi sahaja ditetapkan syarat adil, tentu lebih patut jika syarat itu diwajibkan ke atas seorang Khalifah.

**(6) Merdeka** - Khalifah wajib seorang yang merdeka. Ini kerana seorang hamba adalah milik tuannya sehingga dia tidak memiliki kekuasaan untuk mengatur, walau dirinya sendiri. Seorang hamba juga tidak memiliki *solahiyah* (autoriti) untuk mengatur urusan orang lain, apatah lagi urusan manusia seluruhnya dan hal ini tidak melayakkan dia untuk menjawat jawatan Khalifah.

**(7) Mampu** - Khalifah wajib seorang yang mampu melaksanakan amanat kekhilafahan. Ini kerana, 'kemampuan'

adalah termasuk syarat yang dituntut di dalam bai'at. Orang yang lemah tidak akan mampu menjalankan urusan-urusan rakyat mengikut Al-Quran dan Sunnah, sedangkan berdasarkan keduanya ia dibai'at. Dalam menentukan kemampuan seseorang untuk menjadi Khalifah, Mahkamah Mazhalim memiliki hak untuk menetapkan jenis-jenis kelemahan yang tidak boleh ada pada diri Khalifah sehingga ia dikira sebagai seorang yang mampu memikul amanah-amanah kekhilafahan.

Kesemua syarat di atas adalah syarat *in'iqad* (syarat sah) kekhilafahan yang wajib ada pada diri seorang Khalifah. Selain ketujuh syarat ini tidak ada syarat lain yang layak dijadikan syarat *in'iqad*. Meskipun demikian ia boleh menjadi syarat *afdhaliah* (keutamaan) jika didukung oleh nas-nas yang sahih atau terhasil dari hukum yang telah ditetapkan berdasarkan nas yang sahih. Hal itu kerana syarat-syarat terwujudnya akad Khilafah untuk seseorang Khalifah itu harus memiliki dalil yang mengandung tuntutan yang tegas (*jazm*) yang mengisyaratkan wajibnya syarat tersebut. Oleh kerana itu, jika sesuatu dalil tidak mengandung perintah yang *jazm*, maka syarat itu akan menjadi syarat *afdhaliah* (keutamaan) sahaja, bukannya syarat *in'iqad*. Ternyata selain ketujuh syarat di atas, tidak terdapat dalil-dalil lain yang mengandungi perintah yang *jazm* yang menjadikannya syarat *in'iqad*. Adapun syarat-syarat lain yang memiliki dalil yang sahih yang menjadikan syarat *afdhaliah* kekhilafahan adalah ketentuan bahawa Khalifah hendaklah dari keturunan Quraisy, seorang mujtahid, seorang ahli di dalam perenjataan dan peperangan, seorang ahli politik yang unggul, pemberani dan beberapa syarat lain lagi.

Perlu ditegaskan di sini bahawa ketujuh syarat di atas bukanlah syarat ke atas Khalifah semata-mata, tetapi ia merupakan syarat ke atas orang yang memegang pimpinan dari segi pemerintahan dan yang terkait dengannya. Oleh itu, syarat yang sama adalah terpakai ke atas Muawin Tafwidh, Wali, Amil serta mereka yang terkait rapat dengan pemerintahan seperti Muawin Tanfiz, Qadhi Qudhat (ketua qadhi) dan juga Qadhi Mazhalim. Perlu juga ditegaskan di sini bahawa kita juga hendaklah membezakan di antara bidang pemerintahan (*al-hukm*) dan bidang pentadbiran/administrasi (*al-idarah*). Kesemua syarat di atas adalah untuk mereka yang terlibat di dalam bidang *al-hukm* dan bukannya *al-idarah*. Di dalam bidang administrasi/pentadbiran, syarat lelaki dan Muslim tidak terpakai, dengan kata lain dibolehkan seorang wanita mahupun seorang kafir untuk memegang jawatan di dalam administrasi (*al-idarah*) negara. Justeru, jawatan Ketua Negara yang nyatanya adalah jawatan pemerintahan (*al-hukm*), wajib dipegang oleh orang Islam dan haram secara mutlak diberikan kepada orang kafir mahupun wanita.

Sekiranya kita kaji realiti dan kedudukan PKNS pula, kita akan berkesimpulan bahawa PKNS hanyalah sebuah badan yang terlibat di dalam bidang *al-idarah* (pentadbiran) sahaja dan bukannya *al-hukm*. Dengan ini justeru, jika kita menggunakan hukum syara' sebagai standard dalam menentukan apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan, maka isu jawatan Pengurus Besar PKNS itu langsung tidak akan menjadi masalah. Ia boleh dijawab oleh orang kafir, walau seorang wanita sekalipun. Namun apabila seseorang Muslim itu menjadikan 'bangsa/perkauman' sebagai asas pegangan, maka mereka tidak dapat menerima seorang wanita Cina mengetuai PKNS. Malangnya mereka dalam masa yang sama boleh pula menerima dan langsung tidak mempersoalkan adanya orang kafir dan wanita di dalam bidang pemerintahan. Beginilah keadaan umat Islam apabila hukum kufur, *assabiyah* dan *masalahat* yang dijadikan pegangan, bukannya hukum syara'. Lebih buruk dari itu, mereka juga langsung tidak mempertikaikan sama ada Ketua Negara mereka adalah seorang 'Khalifah' atau tidak, walhal nas begitu jelas lagi nyata menunjukkan bahawa Ketua Negara wajiblah seorang 'Khalifah'. *Wallahu'alam*.